

22 JUN 1999

Abdullah-PBS

ABDULLAH NAFI PENGGUNAAN WANG UNTUK PIKAT ADUN PBS

KUANTAN, 22 Jun (Bernama) -- Kedudukan Umno di Sabah kukuh dan tiada sebab bagi kerajaan Barisan Nasional menggunakan wang untuk memikat mana-mana anggota pembangkang menyertai Umno, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau menafikan yang Umno mengeluarkan wang untuk menarik penyertaan anggota Dewan Undangan Negeri dari Parti Bersatu Sabah (PBS) bagi kawasan Kuamut Abdul Malik Chua dan anggota Pensiangan Ulin Pamiang ke dalam Umno.

"Saya tidak mendengar pun sesiapa yang membayar wang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota-anggota perkhidmatan awam di Dewan Konvensyen di sini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden PBS, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan semalam menyelar tindakan BN yang dianggapnya melampau kerana menggunakan wang untuk membeli wakil rakyat PBS itu.

Pairin juga dilaporkan akan mengambil tindakan mahkamah terhadap Abdul Malik dan Ulin kerana penyertaan mereka ke dalam Umno itu melanggar ikrar parti sebelum menjadi calon dalam pilihan raya negeri Sabah Mac lepas.

Ahad lepas, Abdul Malek dan Ulin menyerahkan borang menyertai Umno kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur.

Mengenai hasrat PBS untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka berdua, Abdullah berkata parti itu bebas mengambil apa juga tindakan yang mereka fikirkan wajar.

"Kita tahu bahawa kedua-dua anggota itu telahpun menyatakan hasrat mereka untuk menyertai Umno sejak awal lagi dan bukan sehari dua ini. Kita tidak ada sebarang masalah kalau ada orang yang hendak menyertai Umno," katanya.

Beliau menegaskan bahawa Umno tidak mengenakan sebarang syarat kepada sesiapa yang ingin menganggotai parti itu melainkan sebagai anggota Umno, mereka perlu mematuhi segala peraturan dan bekerja dengan penuh semangat.

Ditanya sama ada Umno akan membantu sekiranya kedua-dua wakil rakyat itu dikenakan tindakan mahkamah, Abdullah berkata sekiranya perkara itu berlaku, sudah tentulah kedua-duanya akan memaklumkan kepada pemimpin Umno Sabah.

"Saya serahkan kepada pemimpin Umno Sabah untuk memikirkan tindakan yang wajar bagi membantu mereka," katanya.

-- BERNAMA

ROS RON